



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PELAWAAN PENAJAAN BIASISWA OLEH JAPANESE GOVERNMENT (MONBUKAGAKUSHO: MEXT) DI BAWAH YOUNG LEADERS' PROGRAM (YLP) SCHOLARSHIPS FOR 2023

Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT), Jepun telah membuka permohonan penajaan biasiswa oleh **Japanese Government (Monbukagakusho: MEXT)** di bawah **Young Leaders' Program (YLP) Scholarships For 2023** kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) untuk mengikuti pengajian peringkat **Sarjana** di Jepun dalam kursus-kursus seperti berikut:

- (i) **Kursus Perundangan (Sarjana Perundangan)** di Kyushu University;
- (ii) **Kursus Sekolah Kerajaan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** di National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS); atau
- (iii) **Kursus Sekolah Kerajaan Tempatan (Sarjana Pengurusan Awam atau Sarjana Perundangan Awam)** di National Graduate Institute for Policy Studies (GRIPS).

Dalam hubungan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *nominating agency* mempelawa pegawai kumpulan P&P yang memenuhi syarat-syarat yang

ditetapkan seperti di **Lampiran 1** untuk **memohon penajaan biasiswa ini melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** masing- masing. Pegawai P&P yang berminat dan berkecenderungan boleh melengkapkan borang permohonan secara dalam talian melalui portal <https://esilav2.jpa.gov.my> mulai **2 September 2022 jam 5.00 petang sehingga 30 September 2022**. Maklumat terperinci berhubung tatacara permohonan / pencalonan bagi penajaan biasiswa ini adalah seperti di **Lampiran 2**.

Borang permohonan yang lengkap berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dikemukakan oleh PPSM masing-masing dan diterima oleh pihak JPA **sebelum atau pada 7 Oktober 2022** sama ada melalui serahan tangan / pos ke alamat berikut:

Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

Sila hubungi talian **03 – 8885 3569** pada setiap hari bekerja (9.00 pagi – 5.00 petang) atau e-mel kepada penawaranldp@jpa.gov.my sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai program biasiswa ini.

**Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
2 September 2022**